

Kumpulan 4x4 juara Team Building UMS Labuan 2016

UB 17-11-16 B5

LABUAN: Kumpulan 4x4 muncul juara program Team Building UMS Labuan 2016. Naib johan Kumpulan Hurmm, ketiga Daras, keempat Menyagas, kelima Katam Kaluk dan keenam Q Putih.

Sebanyak sembilan acara dipertandingkan sepanjang program itu yang bermula dengan acara Bola Tampar UFO pada 24 Oktober dan diakhiri oleh acara Spelling B pada 7 November lalu.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah UMS Labuan Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di Dewan Theatre, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohammad Tuah.

Dalam ucapannya, Murni-



MURNIZAM menyampaikan hadiah kepada Kumpulan 4x4 yang diterima oleh Ismet.

zam berkata Team Building diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara kakitangan UMS Labuan.

Beliau berharap menerusi program itu, interaksi antara pengurusan, pegawai, penyarah dan kakitangan sokongan akan bertambah baik dan murni.

"Saya ucapkan terima kasih

kepada AJK Penganjur Team Building dan semua staf yang menyertai program itu pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, ketua pasukan Kumpulan 4x4, Ismet Zulfikar Ahmad Shafee mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada ahli kumpulannya yang bergabung tenaga dan bekerjasama sepanjang program dijalankan.



ISMET (tiga kanan) bersama sebahagian ahli Kumpulan 4x4 yang menjuarai Team Building UMS Labuan 2016.